

Usah sia-sia nikmat merdeka: Abdullah

Generasi muda perlu insafi perjuangan pemimpin terdahulu

Oleh Muhd Yusuf Abu Bakar, Matzidi Dris, Hardi Effendi Yaacob, Norma Mullie dan Micheal Sering

KUCHING: Perdana Menteri mahu rakyat menilai sejarah perjuangan pemimpin terdahulu dalam menuntut kemerdekaan serta memahami cabaran yang dilalui dalam mengisi kemerdekaan.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, hasil perjuangan mereka kini berjaya meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat, maju dan disegani pada arena antarabangsa.

"Kemerdekaan memberi keupayaan kepada kita melangkah progresif dan dalam tempoh singkat, Malaysia berkembang maju, membangun dengan pesat dari era pertanian tradisional kepada perindustrian menerusi peningkatan penggunaan teknologi canggih setanding negara maju lain," katanya dalam buku cenderamata sambutan Hari Kemerdekaan 2006 di Padang Merdeka, di sini, semalam.

Turut berangkat ke acara gilang-gemilang itu, Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah

“Untuk menghadapi cabaran, ancaman mendatang, rakyat perlu lebih dinamik dalam segala segi dan terus bersatu padu dengan penuh kesetiaan kepada negara”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Tengku Abdul Rashid.

Abdullah berkata, warga negara ini khususnya generasi muda perlu memahami dan menginsafi pentingnya Hari Kebangsaan dan menghayatinya sebagai simbol kedaulatan bangsa dan negara.

"Kemerdekaan yang dicapai sejak 49 tahun lalu hendaklah didaulatkan dengan pengisian yang berkesan agar Malaysia terus bebas daripada sebarang ancaman dari dalam mahu pun luar negara.

"Saya yakin kestabilan politik, keharmonian kaum dan kekuatan ekonomi adalah senjata utama bagi menghadapi apa jua cabaran mendatang. Justeru, elemen ini bukan saja perlu dikekalkan dan dipertahankan, malah terus dipupuk dan diperkukuh," katanya.

Beliau berkata, semua ancaman dan cabaran dihadapi rakyat negara ini sejak dulu, dapat diidepani dengan jayanya hasil kecekapan pentadbiran kerajaan dan sokongan padu rakyat yang mewujudkan kesepaduan dan kerjasama erat semua pihak.

Katanya, tahun mendatang akan menyaksikan negara melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) berlandaskan Misi Nasional bagi mencapai Wawasan 2020.

"Justeru, bersempena dengan tema 'Keragaman Malaysia' dan tema kecil Misi Nasional 'Penjana Wawasan' yang dipilih untuk sambutan pada tahun ini, saya menyeru rakyat membulat tekad, beriltizam dan menggembelng tenaga untuk merealisasikan wawasan negara.

"Sambutan kemerdekaan pada tahun ini adalah sambutan pertama selepas Misi Nasional dilancarkan," katanya.

"Negara amat bangga mempunyai rakyat berbilang kaum, berlainan bangsa, berbeza budaya, agama dan kepercayaan, tetapi terus dinamik, bersatu padu dan hidup dalam harmoni, bertunjangan rasa cinta kepada raja dan negara," katanya.